

GTFS 2.0 dapat peruntukan RM5 bilion



Ongkili (kanan) dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar pada sidang media bersama di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

➔ Projek teknologi hijau diteruskan bagi tempoh 2018 hingga 2022

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan bersetuju meneruskan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dengan memperuntukkan RM5 bilion untuk GTFS 2.0 bagi tempoh lima tahun bermula 2018 hingga 2022.

Ia antara perkara diputuskan pada Mesyuarat Pertama Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MTHPI) 2017 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, pada sidang media

selepas mesyuarat itu berkata, GTFS 2.0 adalah program lanjutan GTFS yang diperkenalkan pada 2010 berbekalkan dana RM3.5 bilion, yang akan tamat akhir tahun ini.

Katanya, pelaksanaan GTFS 2.0 adalah penting bagi memastikan projek berasaskan teknologi hijau yang berpotensi dan berdaya saing akan terus mendapat sokongan serta pembiayaan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan selain pembangunan industri teknologi hijau negara.

"GTFS pertama yang dilaksanakan pada 2010 adalah bagi mempromosi teknologi hijau dengan menyediakan pinjaman atau pembiayaan kepada syarikat membekalkan dan menggunakan teknologi hijau yang berjaya melahirkan ramai usahawan tempatan dalam bidang tekno-

logi hijau, dengan pembiayaan RM2.96 bilion bagi 272 projek," katanya.

Program MySuria diumumkan

Selain itu, katanya, mesyuarat turut bersetuju Program MySuria diumumkan Perdana Menteri dalam Bajet 2017 pada 21 Oktober tahun lalu yang disasarkan kepada 1,620 isi rumah miskin tegar dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40), akan bermula bulan ini dengan peruntukan RM45 juta.

"MySuria adalah konsep asas menggunakan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau anjuran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), yang dilaksana Pihak Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), menjana pendapatan pasif sekeluarga sekurang-kurangnya RM250 sebulan untuk peserta

program," katanya.

Selain itu, kata Maximus, mesyuarat semalam turut memperakukan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) yang menggariskan langkah mentransformasi ekonomi Malaysia berlandaskan teknologi hijau untuk mencapai pertumbuhan ekonomi rendah karbon.

"Ini selaras dengan sasaran negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45 peratus pada 2030.

"Selain itu, bagi membolehkan peralihan kepada pembangunan yang lebih mampan, GTMP juga menetapkan sasaran peralihan kepada kenderaan persendirian lebih mesra alam seperti kenderaan elektrik dan hibrid menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat turut meluluskan Penubuhan Dana Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) yang akan menjadi pemangkin bisnes bagi industri Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO).

Saiz dana RM200 juta

"Saiz dana berjumlah RM200 juta diperoleh daripada Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dengan sokongan dana jaminan kredit berjumlah RM12 juta daripada KeTTHA dan Program Pembangunan-Kemudahan Persekitaran Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kerajaan turut menyuntik dana RM5.8 juta bagi mengurangkan kadar faedah pinjaman daripada lapan kepada tujuh peratus setahun untuk menjadikan pakej pembiayaan lebih menarik kepada ESCO," katanya.